

22/02/2001

Guna bahasa mudah ketika kempen HIV: Dr Siti Hasmah

KUALA LUMPUR, Rabu - Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menyarankan badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta yang menganjurkan kempen kesedaran mengenai bahaya HIV/Aids, supaya menggunakan bahasa yang mudah difahami golongan sasaran.

Isteri Perdana Menteri berkata, penggunaan bahasa saintifik secara meluas dalam kempen sebelum ini tidak sesuai kerana kebanyakan golongan sasaran, terutama pelajar, tidak memahaminya.

Beliau berkata, penggunaan bahasa yang mudah, ringkas dan tidak lucu lebih berkesan untuk menyampaikan mesej kepada golongan sasaran.

"Pihak terbabit sepatutnya membuat kempen secara profesional dengan menerangkan secara jelas dan menggunakan bahasa mudah supaya mesejnya diterima golongan sasaran.

"Bahasa yang berbau lucu juga seboleh-bolehnya tidak digunakan bagi mengelak salah faham pihak tertentu yang mungkin menganggap perkataan yang digunakan itu menghina mereka," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Projek Aisberg: Lebih Dari Yang Dilihat di sini hari ini.

Projek anjuran Wanita MCA dengan kerjasama Majlis Aids Malaysia (MAC) dan ditaja pengeluar Dettol, Reckitt Benckisser, bertujuan mendidik dan meningkatkan kesedaran pelajar sekolah terhadap kesan HIV/Aids ke atas perkembangan sosial ekonomi.

Projek itu membabitkan pelajar di 1,422 sekolah jenis kebangsaan dan persendirian Cina yang berumur antara 10 hingga 18 tahun. Hadir sama, Ketua Wanita MCA, Datuk Dr Ng Yen Yen dan Presiden MAC, Datin Paduka Marina Mahathir.

Siti Hasmah berkata, daripada 38,044 kes HIV yang dilaporkan tahun lalu, 4,649 kes membabitkan pesakit Aids dan 3,538 daripadanya meninggal dunia.

Katanya, pengidap Aids di negara ini mungkin lebih dari yang dicatatkan Kementerian Kesihatan kerana ada pesakit malu dan takut untuk membuat pemeriksaan atau laporan kepada pihak berkuasa.

Sehubungan itu, beliau menyarankan parti politik, NGO dan pihak swasta menganjurkan lebih banyak kempen bagi menyedarkan masyarakat mengenai bahaya HIV/Aids.

Katanya, sikap masyarakat yang menganggap mereka bebas dari dijangkiti penyakit itu sepatutnya tidak wujud kerana sesiapa saja berisiko untuk menghidap HIV/Aids.

"Cara pemikiran itu perlu diubah melalui kempen yang lebih agresif. Bagaimanapun, mereka tidak perlu didesak berbuat demikian kerana mereka sendiri tahu tanggungjawab yang perlu dilakukan," katanya.

(END)